

Azira terjah tiga negara

CitraSiswa

KOSMO 5/12/06
mc. 30

Perwatakan yang lemah lembut tidak menghalang Azira Azlin Shaharuddin, 22, untuk mewakili Malaysia dalam Program Pertukaran Pemimpin/Wartawan Kampus ASEAN Kedua anjuran Komite Nasional Kebudayaan dan Penerangan Asia (ASEAN-COCI).

Oleh IZYAN LIYANA MOHD DARIF
rencana@kosmo.com.my

PROGRAM yang berlangsung pada 30 Oktober hingga 16 November lalu itu memberi pengalaman yang cukup bermakna kepada Azira dan 20 orang delegasi dari negara-negara Asia. Mereka telah dibawa melawat tiga buah negara iaitu Thailand, Laos dan Myanmar.

"Saya terus menerima pelawaan Ketua Program Kewartawanan, Norsham Firdaus lebih-lebih apabila mengetahui bahawa saya dan rakan sekuliah, Zuhaila Akmar Sedek akan mewakili Malaysia dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, dalam program berkenaan," ujar pelajar Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kewartawanan), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media ini.

Oleh kerana membawa nama baik negara dan universiti, Azira terlebih dahulu membuat penyelidikan dan mencari informasi, mengenai negara yang bakal dilawati menerusi internet dan buku.

"Maklumat tentang cara hidup dan budaya masyarakat tempatan di Thailand, Laos dan Myanmar itu begitu penting kepada saya. Ini kerana sebagai tetamu atau pelancong, kita perlu menghormati budaya tempatan. Begitu juga masyarakat Malaysia yang ingin budaya dan adat mereka dihormati oleh pelancong asing," katanya ketika ditemui KOSMO.

Terpancar wajah kegembiraan tatkala menceritakan pengalaman yang dikutip dalam program tersebut. Terlalu banyak cerita dan aktiviti yang dilakukan bersama delegasi yang lain.

Antara aktiviti yang menarik ketika berada di Thailand adalah apabila para delegasi perlu menyiapkan tugas yang berkaitan dengan produksi radio.

Mereka diberi tempoh selama dua hari untuk menyelesaikan tugas seperti membuat skrip radio, berita, rencana mengenai Asia, pemilihan lagu, membuat iklan, dan banyak lagi.

"Saya tidak mengalami sebarang kesukaran untuk menyiapkan tugas yang diberi kerana pernah melakukan tugas seperti itu ketika menuntut di peringkat diploma. Walaupun tempoh yang diberikan hanya dua hari, akhirnya kami berjaya melakukan yang terbaik, hasil bantuan daripada krew Stesen Radio Thailand," kata gadis yang pemurah dengan senyuman ini.

Menyentuh soal budaya di Thailand pula, Azira menyatakan bahawa masyarakat di sana memiliki sifat bersopan santun dan saling menghormati antara satu sama lain, terutamanya kepada pelancong.

Selain berpeluang melawat dan melihat


suasana di dalam Stesen Radio Thailand, mereka turut dibawa ke Stesen Radio Nasional Laos. Jika pada peringkat pertama, program ini banyak memberi pendedahan mengenai stesen televisyen, pada peringkat kedua pula para peserta lebih fokus kepada stesen radio.

Di Laos, Azira berkesempatan mengunjungi tempat-tempat menarik seperti di Vietiaen, Luangprabang dan kawasan air terjun yang sentiasa menjadi destinasi para pelancong. Ini kerana kawasan air terjunnya bertingkat-tingkat, jernih, bersih dan di dasarnya berwarna biru kehijau-hijauan.

Menurut Azira, orang-orang muda di Laos sangat meminati perkara yang melibatkan pendidikan. Ini dapat dilihat di pasar malam, di mana anak-anak yang menemani ibu bapa mereka berniaga tidak akan membuang masa begitu sahaja. Mereka tidak bermain sebaliknya waktu terluang diisi dengan membaca buku, mengaja dan melukis.

Selapas beberapa hari berada di Laos, Azira dan delegasi program berkenaan diterbangkan ke Myanmar. Di sana, mereka banyak didedahkan kepada budaya dan adat masyarakat tempatan. Mereka dibawa melawat Universiti Budaya dan Universiti Bangkok bagi memahami budaya-budaya yang terdapat di Myanmar.

AZIRA menunjukkan sijil penyertaannya dalam Program Pertukaran Pemimpin/Wartawan Kampus ASEAN.



"Masyarakat Myanmar mempunyai budaya hasil gabungan dua buah negara iaitu India dan China. Sebagai contoh, lelaki di sana akan memakai kemeja yang dipadankan dengan kain sarung. Cara pemakaian tersebut boleh dilihat di mana-mana sahaja termasuklah majlis yang berbentuk formal.

"Kesimpulannya, program ini banyak memberi manfaat dan merupakan pengalaman manis sepanjang saya bergelar mahasiswa. Melalui program ini juga saya dapat menambah kenalan dan mempelajari budaya orang lain," tambah Azira yang pernah menerima Anugerah Naib Canselor.

Azira merupakan antara pelajar yang berjaya dalam bidang akademik. Bermula daripada peringkat diploma dan seterusnya di peringkat ijazah, Azira sentiasa mengekalkan keputusan peperiksaan CGPA lebih daripada 3.50. Beliau juga pernah memperoleh keputusan CGPA sebanyak 4.00 pada semester dua peringkat Diploma Komunikasi dan Media.

"Saya pastikan selesai sahaja kuliah, saya akan membuat ulang kaji dan banyakkann latihan. Setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah pula saya buat yang terbaik, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga," ujar Azira yang bercita-cita menjadi seorang wartawan alam sekitar.



PESERTA delegasi bergambar di hadapan Stesen Radio Laos.